

0133

U B421 AAB

MAHATHIR - ERA

1985

KUALA LUMPUR, 1 MAC (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD KESAL KERANA USAHA KERAJAAN UNTUK MEMUPUK NILAI-NILAI YANG SESUAI DENGAN PEREDARAN ZAMAN DI KALANGAN MASYARAKAT MENGHADAPI HALANGAN OLEM KUMPULAN-KUMPULAN TERTENTU YANG DALAM PADA ITU MENDAPAT LAYANAN MASYARAKAT DAN KADANGKALA DISANJUNG PULA.

PERDANA MENTERI BERKATA KUMPULAN-KUMPULAN ITU YANG JUGA MEMPUNYAI PENGARUH, SELAIN DARIPADA KERAJAAN, MEMBAWA NILAI-NILAI YANG MENGELIRUKAN.

KERAJAAN, KATANYA, DALAM MEMBANGUNKAN NEGARA TIDAK MENGABAIKAN PEMBANGUNAN SOSIAL DAN MEMPUNYAI RANCANGAN KE ARAH ITU TETAPI MENURUTNYA KEADAAN ITULAH YANG MENJADI MASALAH.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA DEMIKIAN DALAM SATU WAWANCARANYA DENGAN MAJALAH MINGGUAN +ERA+, SEBUAH MAJALAH BARU TEMPATAN. TEMUBUAL ITU YANG MENYENTUH DASAR-DASAR PEMBANGUNAN BARU KERAJAAN DAN PERUBAHAN-PERUBAHAN YANG DIBAWANYA DITERBITKAN DALAM NASKAH SULUNG MAJALAH ITU.

BELIAU MENYIFATKAN KEADAAN ITU SEBAGAI MALANG KERANA +ORANG YANG SEPATUTNYA LEBIH MENGETAHUI, ORANG YANG BERPENGALAMAN, YANG BERPELAJARAN, ORANG INILAH YANG MENGELIRUKAN, DAN MEREKA INI PULA MENDAPAT LAYANAN DAN KADANGKALA DISANJUNG OLEH MASYARAKAT.+

DATUK SERI DR. MAHATHIR MEMBERI CONTOH NILAI-NILAI YANG MENGELIRUKAN YANG DIBAWA OLEH ORANG-ORANG ITU.

+WALAUPUN TERDAPAT KELAINAN FAHAMAN IDEOLOGI SESEORANG UMAT ISLAM ITU, TETAPI DARIPADA SEGI AJARAN ISLAM SEMUA PENGANUTNYA SAMA DAN TIDAK ADA PERBEZAAN,+ TEGASNYA.

BELIAU MENYERU UMAT ISLAM SUPAYA MENJADIKAN MASJID SEBAGAI TEMPAT UNTUK MENGUKUHKAN PERPADUAN DAN SILATUR-RAHIM DAN BUKANNYA TEMPAT UNTUK MENIMBULKAN PERBALAHAN ATAU PERMUSUHAN.

+KEKUATAN PERSAUDARAAN ISLAM BERMULA DI MASJID DAN KERAJAAN INGIN MELIHAT UMAT ISLAM DI NEGARA INI BERSATU MENERUSI MASJID DAN BUKAN SEBALIKNYA.+

BELIAU JUGA MENYERU UMAT ISLAM SUPAYA MENJAGA KEBERSIHAN MASJID KERANA KEBERSIHAN MERUPAKAN SALAH SATU DARIPADA NILAI-NILAI ISLAM YANG SEDANG DITERAPKAN DALAM PENTADBIRAN NEGARA.

BELIAU DUKACITA KERANA BANYAK MASJID YANG DIDIRIKAN OLEH KERAJAAN ATAU PIHAK LAIN YANG BERADA DALAM KEADAAN TIDAK BERSIH. --

BELIAU MAHUKAN UMAT ISLAM MENJAGA KEBERSIHAN MASJID DAN KAWASANNYA KERANA IA DIKEHENDAKKI OLEH ISLAM.

YANG HADIR SAMA DI UPACARA ITU IALAH DATUK SERI DATIN PADUKA DR. SITI HASMAH, MENTERI BESAR KEDAH DATUK PADUKA HAJI OSMAN AROFF DAN MENTERI KEMAJUAN TANAH DAN KEMAJUAN WILAYAH DATUK SERI ADIB ADAM. --- BERNAMA.

1557MST 01 03 85

+ KITA INGIN MEMBANGUNKAN NEGARA, DAN KITA TAHU PEMBANGUNAN ITU AKAN MEMBAWA KEUNTUNGAN KEPADA RAKYAT. INI MUDAH DIFAHAMI DAN SAYA FIKIR RAKYAT MUDAH TERIMA BAHAWA PEMBANGUNAN ITU BAIK.

+MALANGNYA ADA KUMPULAN-KUMPULAN YANG MENGATAKAN PEMBANGUNAN ITU TIDAK BAIK DENGAN MEMBERI PELBAGAI HUJAH. ADA YANG BERKATA UMPAMANYA BAHAWA SKIM PERAIRAN MUDA MERUGIKAN PETANI-PETANI KERANA CARA HIDUP MEREKA TERPAKSA DIUBAH DARIPADA SATU KETENANGAN HIDUP DALAM KAMPUNG KEPADA SATU +RAT RACE+ DALAM MASYARAKAT YANG PESAT MEMBANGUN,+ TAMBAH BELIAU.

PENDAPAT SEMACAM INI, KATANYA, BANYAK LAGI YANG DIHEBAHKAN - KEPADA SEMUA ORANG SEHINGGA MENIMBULKAN KEKELIRUAN DI KALANGAN RAKYAT.

MENGENAI PENDAPAT BAHAWA BELIAU TERLALU +PANTAS+ DALAM MEMBAWA IDE-IDE BARU UNTUK MEMBAWA PERUBAHAN SEHINGGA TIDAK TERSAMBUT OLEH PARA PEMIMPIN LAIN DAN PENTADBIR, BELIAU BERKATA, +SAYA TIDAK NAMPAK SEBAB KENAPA PROSES INI TIDAK BOLEH DITERIMA KERANA IA BUKAN MENYUSAHKAN SESIAPA.+

+PANTAS ATAU TIDAK ADALAH PERKARA YANG RELATIF. MEMANG KALAU KITA HENDAK MEMBUAT SESUATU YANG BERBEZA DENGAN YANG BIASA, IA MEMPUNYAI SATU KESAN KEPADA ORANG YANG BERPEGANG KEPADA AMALAN YANG BIASA.+- LAGI.

1735MST 01 03 85

D16D

U B442 AAB

MAHATHIR - ERA 2 KUALA LUMPUR

MENGENAI ARAH YANG DIKATAKAN DIBAWA OLEHNYA, PERDANA MENTERI BERKATA BELIAU PERCAYA PARA PEGAWAI KERAJAAN KINI SUDAH NAMPAK VISION DAN MEREKA KINI HANYA MEMERLUKAN PIMPINAN UNTUK MELAKSANAKAN SESUATU BAGI MENCAPAINYA.

KATANYA BELIAU BUKAN MEMBERI SATU VISION. SEMUA NEGARA INGINKAN KEMAJUAN DAN VISION ITU MEMANG SUDAH ADA TETAPI SEKARANG IA LEBIH JELAS KERANA DIGAMBARAKAN DENGAN PERKATAAN.

MENGENAI PERPADUAN DAN SAMA ADA BELIAU MEMPUNYAI FORMULA YANG LEBIH BAIK DARIPADA PEMIMPIN-PEMIMPIN SEBELUMNYA UNTUK TUJUAN ITU, PERDANA MENTERI BERKATA +FORMULA ITU SAMA TETAPI KEADAAN DAH BERUBAH.+

PADA ZAMAN TUNKU ABDUL RAHMAN MISALNYA RAKYAT DATANG DARI SEKOLAH-SEKOLAH TEMPAT MEREKA BELAJAR BERSAMA, BERDAMPING DENGAN SEMUA KAUM DAN OLEH ITU DAPAT MEMAHAMI CARA-CARA PEMIKIRAN SEMUA ORANG, KATANYA.

+SEKARANG INI KERANA TINDAKAN-TINDAKAN TERTENTU KITA TELAH MENGASINGKAN DIRI, SEHINGGA DALAM UNIVERSITI KALAU PUN ADA PENUNTUT-PENUNTUT YANG BERLAINAN KAUM, MEREKA TIDAK BERCAMPUR SAMA SEKALI.+

KATANYA DALAM KEADAAN TERPISAH BEGITU SUKAR UNTUK DIADAKAN SATU ENTITI YANG BERSEPADU. SELEPAS MEREKA KELUAR DARI UNIVERSITI MEREKA TIDAK BOLEH BEKERJASAMA.

PERDANA MENTERI BERKATA DENGAN ITU PROSES PEMBANGUNAN NEGARA MENJADI LEBIH SUKAR DAN RASA CURIGA TERHADAP SATU SAMA LAIN ADALAH TEBAL.

SEMENTARA MEREKA YANG BELAJAR DI LUAR NEGERI, KATANYA TIDAK SAMA SEKALI BERCAMPUR DENGAN PENDUDUK NEGERI ITU DAN DALAM KEADAAN MEREKA MENGASINGKAN DIRI, PROSES PEMBANGUNAN NEGARA MENJADI LEBIH SUKAR LAGI.

BERCAKAP MENGENAI PERANCANGAN TENAGA MANUSIA NEGARA, BELIAU BERKATA KEADAAN RAMAI PELAJAR JURUSAN SAINS DIKATAKAN MENGANGGUR BUKAN KERANA TIDAK ADA PELUANG PEKERJAAN TETAPI SEBAB SIKAP MEMILIH KERJA.

DI NEGERI JEPUN, KATANYA, SEORANG LULUSAN KEJURUTERAAN BIASANYA MULA BEKERJA SEBAGAI PEKERJA KILANG SEBELUM BOLEH BEKERJA DI BILIK BERHAWA DINGIN SEBAGAI PEGAWAI.

MENGENAI KENAPAKAH AKHBAR LUAR NEGERI NAMPAKNYA BERSIKAP ANTOGANIS TERHADAP MALAYSIA, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA +ADA PERASAAN DARI KALANGAN AKHBAR ITU BAHAWA SATU NEGARA YANG DIPERINTAH OLEH ORANG ISLAM TIDAK MUNGKIN BERJAYA.+

PADA ANGGAPAN MEREKA NEGARA INI SEPATUTNYA TIDAK BOLEH BERJAYA DAN KEJAYAANNYA MENGECEWAKAN MEREKA, KATA BELIAU.--BERNAMA

100/MCT 04 07 85